

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 12 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar IPTA yang terdiri dari anak asnaf dan dari golongan keluarga B40 dan nyatakan langkah Kementerian bagi membantu pelajar-pelajar ini untuk mendapatkan makanan dan memenuhi keperluan harian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Disember 2019, jumlah pelajar daripada kalangan keluarga yang berpendapatan RM4,000 ke bawah di institusi pengajian tinggi awam adalah seramai 483,380 orang atau 70 peratus daripada sejumlah 690,105 pelajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) termasuk Politeknik dan Kolej Komuniti.

Kementerian amat prihatin dan sentiasa berusaha untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan pelajar di IPT terjaga, terutamanya kepada pelajar daripada keluarga asnaf dan B40 untuk mendapatkan makanan dan memenuhi keperluan harian mereka.

Dalam konteks ini, IPTA-IPTA telah melaksanakan inisiatif untuk membantu pelajar-pelajar mereka daripada kelompok ini antaranya melalui penyediaan bantuan makanan percuma, kupon makanan, perkhidmatan *food pantry* dan sebagainya. Sumbangan makanan yang diterima daripada warga IPTA, alumni dan orang awam juga turut diagihkan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan secara berkala atau *one-off*.

Selain itu, Kementerian dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) turut menganjurkan Program *Food Bank* Siswa Malaysia. Inisiatif *Food Bank* Siswa ini bertujuan untuk menyalurkan bantuan makanan kepada pelajar yang memerlukan dan pada masa yang sama membantu meringankan bebanan kos sara hidup yang ditanggung oleh pelajar. Program ini telah dilaksanakan di 20 buah UA dan telah memanfaatkan 12,251 pelajar.

Sekian, terima kasih.